

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YB DR. MICHAEL TEO YU KENG [ MIRI ]**

**SOALAN**

**YB DR. MICHAEL TEO YU KENG [ MIRI ]** minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan apakah usaha-usaha yang telah dan akan diambil oleh Kementerian untuk mempromosikan pelancongan dan menarik lebih ramai pelancong untuk mengunjungi Miri.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

1. Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) melalui agensinya Tourism Malaysia akan terus memasarkan destinasi-destinasi pelancongan negeri Sarawak secara berterusan serta bekerjasama dengan agensi promosi pelancongan negeri Sarawak iaitu Sarawak Tourism Board (STB). Antara program yang telah dikenal pasti melalui kerjasama antara Tourism Malaysia, STB serta hotel-hotel dan syarikat penerbangan adalah pakej khas Sarawak iaitu "*Sarawak Escape*".

2. Tourism Malaysia juga telah menganjurkan program lawatan media ke Ba'kelalan pada bulan September 2020 dengan penyertaan wakil-wakil media digital dari Kuala Lumpur dan dari Kuching. Antara destinasi yang turut dikunjungi adalah bandar Miri, Lawas, dan Taman Negara Niah. Penglibatan wakil-wakil media digital ke program tersebut telah banyak mempromosikan destinasi-destinasi yang terlibat melalui rakaman video dan gambar-gambar menarik yang telah dimuatnaik di laman media sosial masing-masing seperti Facebook, Instagram, dan Youtube.

3. Miri juga merupakan pintu masuk utama ke produk-produk pelancongan yang lain seperti Taman Negara Mulu dan Taman Negara Niah. Oleh itu, fokus promosi produk-produk pelancongan ini bukan sahaja kepada pasaran domestik malah juga kepada pasaran antarabangsa.

4. Segmen ekopelancongan merupakan salah satu produk pelancongan yang diberi keutamaan oleh MOTAC dalam membangun dan mempromosi sektor pelancongan negara menerusi Pelan Ekopelancongan Kebangsaan (NEP) 2016-2025. Di bawah Pelan ini, strategi dan pelan tindakan telah dirangka untuk membangun dan memastikan kelestarian produk ekopelancongan kekal mampan melalui pembangunan kluster ekopelancongan. Ia juga bertujuan untuk merancakkan ekonomi dan melalui kerjasama erat di antara sektor awam, pemain industri dan komuniti setempat secara holistik.

5. NEP 2016-2025 ini telah mengenalpasti sembilan (9) kluster ekopelancongan di Sarawak bagi meningkatkan lagi potensi sektor pelancongan di negeri ini. Sukacita dimaklumkan bahawa salah satu kluster tersebut ialah iaitu Miri-Sibuti-Niah-Loagan Bunut.

6. Selain itu, Pejabat Penyeliaan (*Tourist Information Centre-TIC*) Tourism Malaysia di Sarawak, turut melaksanakan pelbagai promosi produk ekopelancongan dan *adventure* yang terdapat di persekitaran Miri dalam usaha berterusan membawa kehadiran pelancong dalam dan luar negara ke kawasan tersebut.

Sekian, terima kasih.